

## METODOLOGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN TATBIQ AL-QIRAAT DALAM PENGAJIAN QIRAAT: SATU SOROTAN LITERATUR

Ummi Kalsum Zullkifli

Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan

Email: [ummi250495@gmail.com](mailto:ummi250495@gmail.com)

Zainora Daud

Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan

Email: [zainora@usim.edu.my](mailto:zainora@usim.edu.my)

### ABSTRAK

*Tatbiq al-qiraat* merupakan subjek wajib yang ditawarkan dalam pengajian Qiraat dengan bertujuan untuk melatih para pelajar membaca al-Quran al-Qiraat secara praktikal. Penawaran subjek ini sebagai satu pendekatan pengajaran yang menggabungkan pelbagai kaedah dan bacaan bagi memastikan pembelajaran yang holistik dan berkesan. Namun, penguasaan pelajar terhadap ilmu qiraat masih berada pada tahap yang sederhana. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti metodologi dan pendekatan yang digunakan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) *Tatbiq al-qiraat*. Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan metode analisis kandungan daripada penulisan ilmiah lain seperti buku, jurnal, kertas persidangan dan lain-lain yang berkaitan. Hasil kajian mendapati metodologi PdP yang sesuai berperanan penting dalam memastikan kefahaman yang mendalam dan pengajaran yang berkesan terhadap pelajar. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan sumbangan yang berharga dalam memperkukuhkan lagi pengajaran dan pembelajaran Qiraat di institusi pengajian tinggi berorientasikan Islam.

Kata kunci: Metodologi, Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), *Tatbiq al-Qiraat*,

### 1. Pengenalan

Mutakhir ini, Ilmu Qiraat merupakan sebahagian daripada kurikulum yang terdapat dalam sistem pendidikan di Malaysia yang meliputi peringkat pengajian seperti sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi (Ikmal Zaidi Hashim et. al 2018). Setelah diperkenalkan secara formal pada tahun 1966, Ilmu Qiraat mula mendapat perhatian dan juga dijadikan sebagai salah satu bidang dalam konteks pendidikan. Para ulama telah memberikan pelbagai definisi mengenai Qiraat. Namun, pada hakikatnya kesemua definisi itu masih mempunyai maksud yang sama. Menurut al-Jazari (1994), Ilmu Qiraat adalah satu ilmu yang membahaskan tatacara mengungkapkan kalimah-kalimah al-Quran dan perbezaannya dengan menyandarkan setiap bacaan tersebut kepada imam yang meriwayatkannya.

Metodologi merujuk kepada sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu disiplin ilmu (Kamus Dewan, 2019). Menurut Mohd Zaini Shafiai (2022), dalam proses pembelajaran Ilmu Qiraat, dua kaedah utama digunakan iaitu kaedah *ilmi* (Teori) dan kaedah *amaliy* (Praktikal). Kaedah *ilmi* merangkumi *Usul Al-Qiraat* dan *Farsh Al-Huruf* manakala kaedah *amaliy* meliputi bacaan al-Quran secara *ifrad* dan *jama'*. Sehubungan itu, fokus kajian ini adalah bertujuan untuk menyoroti metodologi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Ilmu Qiraat dan meninjau kaedah yang sesuai digunakan dalam proses pembelajaran secara *tatbiq*(praktikal). *Tatbiq al-Qiraat* juga dikenali sebagai Qiraat Amali adalah salah satu mata pelajaran yang terdapat dalam pengajian Qiraat di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Ia melibatkan latihan bacaan yang melibatkan sepuluh imam qiraat (Muhammad Syafee Salihin Hasan et al. 2021).

## 2. Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian kualitatif adalah kajian yang mempunyai ciri dan data yang unik berbanding kajian kuantitatif (Kamal Azmi Abd.Rahman et al. 2015). Reka bentuk ini dapat menghuraikan topik kajian dengan lebih mendalam iaitu metodologi pengajaran dan pembelajaran ilmu qiraat. Metode pengumpulan data dalam artikel ini menggunakan analisis dokumen. Manakala penganalisan data dilakukan secara deskriptif.

### 2.1 Pemilihan Sampel Kajian

Bagi melengkapkan kajian ini, penulis menggunakan metode dokumentasi kandungan daripada penulisan ilmiah seperti buku, jurnal, kertas persidangan dan lain-lain yang berkaitan dengan kajian.

## 3. Perbincangan

### 3.1 Sorotan Literatur

Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan satu elemen penting dalam memberikan kefahaman dan penguasaan sesuatu ilmu terhadap pelajar (Muhammad Syafee Salihin Hasan et al. 2021). Kenyataan ini disokong oleh kajian Zainora Daud et al. (2015), yang menyatakan bahawa kaedah pengajaran yang berkesan merupakan tunjang utama dalam melahirkan pelajar yang cemerlang. Tambahan pula, tenaga pengajar juga berperanan penting dalam mencorakkan kejayaan melalui teknik pengajaran yang berkesan (Aini Haslina Abdul Hamid et al. 2023). Lebih-lebih lagi, tenaga pengajar merupakan penyampai dala penyampai yang sangat penting dalam sistem pembelajaran al-Quran kerana murid perlu berhadapan dan meniru gerak mulut guru menyebut setiap kalimah al-Quran (Mohd Syaiful Naim Shaedi et al. 2022).

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Ilmu Qiraat telah bermula pada zaman Rasulullah SAW dan melingkupi zaman berikutnya iaitu zaman Sahabat RA, dan zaman Tabi'in serta zaman pembukuan dan penulisan. Ketika itu, Rasulullah SAW mengamalkan tiga kaedah utama iaitu kaedah *Tasmi'*, kaedah *Arad* (pembentangan) dan kaedah *Khitabah* (mencatat setiap ayat-ayat al-Quran yang diturunkan). Para sahabat RA juga menerima bacaan al-Quran secara bertalaqqi dan *mushafahah* daripada Rasulullah SAW dengan pelbagai *wajah qiraat* (Zainora Daud, 2023). Rentetan itu, Ilmu Qiraat berterusan menjadi titik fokus para ulama sejak dahulu kala. Mereka telah mencurahkan segenap usaha, tenaga, dan pemikiran untuk memelihara dan menyebarkan disiplin ilmu ini. Usaha gigih mereka merangkumi pelbagai aspek dan termasuklah kaedah pengajaran dan pembelajaran (Gumaa ahmed Himmad et al. 2023).

Seterusnya, dapatan kajian Aini Haslina Abdul Hamid et al. (2023) mendapati kaedah *talaqqi & musyafahah* merupakan antara kaedah yang mahir digunakan oleh tenaga pengajar semasa proses PdP Ilmu Qiraat berbanding lapan kaedah pengajaran lain yang diutarakan. Pelaksanaan kaedah ini berlaku apabila para pensyarah membaca sesuatu ayat terlebih dahulu kemudian para pelajar mengikuti kembali bacaan tersebut (Muhammad Syafee Salihin Hasan et al. 2021). Seterusnya, majoriti pelajar bersetuju bertalaqqi dengan guru merupakan cara yang terbaik dalam PdP Ilmu Qiraat (Mohd Zaini Shafiai (2022). Maka, ini bertepatan dengan kaedah yang diamalkan oleh para

sahabat apabila mereka menerima bacaan al-Quran daripada Rasulullah SAW juga secara bertalaqqi dan *mushafahah*. Oleh itu, di sini jelas menunjukkan kaedah *talaqqi & musyafahah* merupakan kaedah utama dalam proses PdP Ilmu Qiraat.

Berikutnya, penelitian terhadap kaedah PdP lain juga dititikberatkan. Dalam melengkapkan proses PdP Ilmu Qiraat, kaedah soal jawab juga mendapat perhatian daripada tenaga pengajar (Mohd Syaiful Naim Shaedi et al. 2022). Hal ini juga disokong oleh Zainora Daud et al. (2015) yang mengatakan kaedah soal jawab merupakan amalan yang paling kerap digunakan dalam PdP Ilmu Qiraat selain kaedah tasmik matan, pembentangan dan syarahan. Selain itu, bahan bantuan mengajar (BBM) yang menggunakan teknologi multimedia seperti CD-Rom, telefon pintar, computer, al-Quran pen reader, aplikasi pembelajaran secara digital dan perisian berbentuk courseware sering digunakan dalam proses PdP (Abdul Mun'im Hilmi, 2021). Selain berperanan sebagai penyampai ilmu, para pensyarah juga bertindak sebagai pemikir yang kritis dalam menudahkan dan merangsang pembelajaran yang aktif. Mereka jugak diseur agar mempelbagaikan strategi pengajaran yang kreatif dan inovatif dan menggalakkan pembelajaran di dalam kumpulan kecil (Sabri Mohamad al. 2012)

Oleh itu, kaedah yang diaplikasikan oleh tenaga pengajar semasa proses PdP Ilmu Qiraat akan mempengaruhi penguasaan dan kemahiran seseorang pelajar. Malahan, gabungan kedua-dua elemen ini akan membentuk hubungan yang positif antara amalan pengajaran guru dengan penguasaan ilmu seseorang. Hal ini juga dapat dilihat apabila para pelajar terkesan dengan teknik dan kaedah pengajaran pelbagai yang digunakan oleh guru (Ahmad Junaidi, 2018). Penulisan mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran telah dilakukan oleh para pengkaji yang terdahulu. Namun, tujuan utama penulis adalah untuk menyoroti kaedah-kaedah yang digunakan dalam pembelajaran ilmu qiraat dan meneliti kaedah yang disesuaikan dalam PdP *Tatbiq al-Qiraat*.

## 3.2 Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Qiraat Secara Umum

### 3.2.1 Zaman Rasulullah, Zaman Sahabat Ra Dan Zaman Tabiin

Permulaan perkembangan pengajian Ilmu Qiraat telah bermula daripada zaman Rasulullah SAW (Zainora Daud, 2023). Pada era tersebut, benih-benih ilmu ini mula disemai dan membuka lembaran baharu dalam khazanah pengajian al-Quran. Kemudian, ilmu ini berkembang pesat sepanjang zaman. Rasulullah SAW telah mempelajari Ilmu Qiraat daripada malaikat Jibril AS secara *talaqqi* (Khalid Syukri, 2001) dan baginda telah menggunakan kaedah hafazan bagi memelihara bacaan ayat al-Quran yang telah diajarkan oleh malaikat Jibril AS. Kemudian, Rasulullah SAW menyampaikan semula kepada para sahabat dan mereka bertalaqqi dengan Rasulullah SAW secara hafazan (al-Jazari, 1994). Berikut adalah kaedah-kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Ilmu Qiraat.

#### **Kaedah *Tasmi'***

Kaedah *tasmi'* merujuk kepada proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. Melalui kaedah ini, baginda menerima wahyu secara langsung daripada Malaikat Jibril AS secara kaedah *talaqqi* (penyampaian lisan) dan hafazan. Semasa proses ini berlangsung, Rasulullah SAW menggerakkan lidahnya, mengulangi ayat-ayat yang diwahyukan dengan teliti. Kaedah ini memerlukan tumpuan sepenuhnya di mana Rasulullah SAW memberikan perhatian yang mendalam terhadap setiap perkataan dan makna. Sekiranya terdapat sebarang kekaburan atau ketidakjelasan, baginda segera meminta penjelasan daripada Malaikat Jibril AS bagi memastikan

pemahaman yang tepat dan menyeluruh terhadap wahyu yang diturunkan (Al-Dakhil, 2008). Kemudian, baginda menyampaikan bacaan al-Quran dengan pelbagai wajah qiraat kepada para sahabat RA juga menggunakan kaedah yang sama (Sha'ban, 2017). Selepas kewafatan Rasulullah SAW, para sahabat berperanan penting dalam meneruskan kesinambungan pengajian qiraat. Kaedah yang digunakan pada zaman baginda terus digunakan untuk disebarkan kepada masyarakat Islam ketika itu. Selain itu, mereka juga yang bertanggungjawab dalam menyebarkan *qiraat* dan mengajar umat Islam pada masa itu secara *talaqqi* dan *mushafahah* sebagaimana mereka menerima bacaan daripada Rasulullah SAW (Khalid Syukri, 2001).

### **Kaedah 'Arad**

Rasulullah SAW juga menggunakan kaedah '*arad* iaitu teknik pembentangan yang komprehensif dalam proses pengajaran dan pembelajaran Qiraat (al-Dakhil, 2008). Pendekatan holistik ini merangkumi pelbagai aspek penting untuk memastikan penguasaan yang mendalam terhadap ilmu tersebut. Baginda memberi penekanan khusus pada penguasaan lafaz, di mana ketepatan sebutan ayat-ayat al-Quran menjadi keutamaan. Ini memastikan setiap huruf dan perkataan diucapkan dengan betul, mengekalkan kesucian dan keindahan bahasa al-Quran. Selari dengan itu, Rasulullah SAW juga menggali dan mendalami makna bagi setiap ayat. Proses ini bukan sekadar membaca, tetapi memahami secara menyeluruh kandungan wahyu yang diturunkan. Selain itu, pengukuhan hafazan menjadi komponen penting dalam teknik pembentangan ini. Baginda menggunakan kaedah tertentu untuk memperkukuh ingatan terhadap ayat-ayat yang diwahyukan, memastikan setiap kata tersemat kukuh dalam sanubari. Untuk mencapai matlamat ini, pengulangan berterusan menjadi amalan. Proses pembelajaran diperkukuhkan melalui pengulangan yang konsisten, membantu dalam pengukuhan hafazan dan pemahaman yang lebih mendalam. Teknik pembentangan ini bukan sahaja merangkumi aspek bacaan dan hafazan, tetapi juga pemahaman mendalam terhadap makna dan kandungan wahyu Ilahi. Hasilnya, ia menjadi asas kukuh bagi pengajian dan pemahaman al-Quran dan Qiraat untuk generasi seterusnya.

### **Kaedah Kitabah**

Rasulullah SAW telah melantik dalam kalangan para sahabat sebagai jurutulis wahyu yang bertindak mencatat setiap ayat al-Quran yang diturunkan. Melalui kaedah ini, al-Quran terus dapat diterima dan dibaca oleh generasi seterusnya. Antara yang menjadi jurutulis tersebut adalah, 'Abd Allah bin Mas'ud, Maş'ab bin 'Umayr, Abu Darda', Ubayy bin Ka'ab, Zayd bin Thabit, Mu'az bin Jabal, Abu Musa al-Ash'arī dan lain-lain RA (Al-Mukhtar, 2008). Tambahan pula, penurunan al-Quran dalam tujuh huruf merupakan rahmat Allah SWT dan kemudahan yang diberikan kepada masyarakat Arab untuk membaca dan menghafaz kitab suci ini. Kebijaksanaan ini memudahkan penyebaran dan pemahaman wahyu Allah dalam kalangan pelbagai suku dan dialek Arab. Pada zaman Rasulullah SAW, walaupun al-Quran telah diturunkan secara sempurna, penulisannya masih dalam bentuk suhuf yang ringkas. Para sahabat mencatatkan ayat-ayat suci pada pelbagai bahan yang mudah didapati seperti pelepah kurma, kulit binatang, tulang binatang, dan batu. Cara penulisan ini digunakan dalam memelihara wahyu sebelum usaha pengumpulan dan penulisan yang lebih sistematik dilakukan (Subhi Salih, 1990).

### 3.3 Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran *Tabiq Al-Qiraat*

Ilmu qiraat telah berkembang seiring dengan peredaran zaman. Ilmu yang berkaitan dengan cara-cara membaca al-Quran telah mengalami evolusi sejak zaman Nabi Muhammad SAW hingga ke hari ini. Setiap era membawa perubahan dan penambahbaikan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Walupuan begitu, setiap kaedah yang digunakan tidak dapat tidak mestilah berpandukan kepada kaedah asal yang diamalkan pada Zaman Rasulullah SAW.

Setelah meneliti kajian terdahulu, antara kaedah yang sering digunakan oleh tenaga pengajar pada harini dalam pengajaran dan pembelajaran *Tabiq Al-Qiraat* adalah kaedah *talaqqi* dan *mushafahah*, kaedah hafazan/tasmik, kaedah penerangan, kaedah simulasi/lakon semula yang melibatkan cara bacaan Qiraat juga digunakan dan akhir sekali kaedah penggunaan bahan bantuan mengajar turut diintegrasikan dalam proses pembelajaran (Aini Haslina Abdul Hamid et al. 2023).

#### **Kaedah *Talaqqi* dan *Mushafahah***

Menurut Aiyah Juri, (2009) metodologi yang paling penting dalam pembelajaran qiraat adalah kaedah *talaqqi* dan *mushafahah* (Mohd Zaini Shafiai, 2022). Kaedah ini merangkumi kaedah keseluruhan kelas dan kaedah individu (Aisyah Juri, 2009). Dalam proses pengajaran, pensyarah memperdengarkan bacaan ayat-ayat al-Quran mengikut wajah Qiraat atau *riwayah* tertentu, manakala para pelajar mendengar dengan teliti dan mengulangi bacaan tersebut. Kaedah ini membolehkan pelajar mempelajari secara langsung variasi bacaan yang tepat dan sahih. Para pelajar juga secara bergilir-gilir akan diuji membaca Qiraat atau *riwayah* tertentu berdasarkan sukatan ayat al-Quran yang telah ditetapkan pada setiap semester. Pensyarah akan sentiasa memastikan bacaan dan sebutan huruf ayat-ayat al-Quran yang dibaca oleh pelajar adalah betul dan tiada kesalahan. Terdapat dua variasi praktikal bacaan bagi Imam-imam Qiraat. Pertama, bacaan al-Quran al-Qiraat dibaca secara *ifrad* iaitu bacaan dan manhaj imam-imam tertentu dipelajari satu persatu. Kedua, bacaan al-Quran al-Qiraat secara *jama'* iaitu bacaan dan manhaj semua imam-imam qiraat dihimpunkan pada setiap ayat al-Quran yang dipelajari.

#### **Kaedah Hafazan**

Salah satu aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang banyak melibatkan ingatan secara langsung adalah dengan menggunakan kaedah hafazan. Kaedah ini dilaksanakan bagi mencapai objektif para pelajar dapat memahami dan mengingati matan-matan qiraat. Ilmu qiraat memiliki beberapa matan atau yang berperanan penting dalam pembelajaran para pelajar. Matan-matan ini sebagai asas dan rujukan para pelajar untuk mendalami ilmu qiraat dan telah disepakati oleh ulama qiraat (Gumaa Ahmed Himmad et al. 2023). Antara contoh pelaksanaan kaedah hafazan ialah pelajar diwajibkan untuk menghafaz dalil-dalil yang terdapat dalam matan qiraat mengikut tajuk dan bab yang berkaitan. Kemudian, pensyarah akan menguji hafazan itu dari masa ke semasa secara rawak. Para pelajar diminta untuk sentiasa mengulang-ulang baca dalil-dalil matan qiraat sepanjang sesi pembelajaran Qiraat amali jika terdapat *khilaf* pada ayat yang dibaca.

## **Kaedah Penerangan**

Kaedah penerangan atau syarahan pula merupakan kaedah keseluruhan kelas sering digunakan. Teknik tradisi ini sesuai digunakan untuk memperkenalkan sesuatu topik atau tajuk baru, menjelaskan isi kandungan pelajaran, melatih pelajar mendengar dan membuat nota-nota ringkas. Selain menjimatkan masa dalam proses pengajaran dan pembelajaran, teknik ini amat penting dan tidak boleh dipisahkan dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat. Sebagai contoh, pensyarah akan menerangkan kepada pelajar kaedah ataupun manhaj setiap imam qiraat yang meliputi kaedah usul dan farsh huruf (Muhammad Syafee Salihin Hasan et al. 2021). Selain itu, pensyarah akan menerangkan susunan bacaan jamak mengikut imam sama ada qiraat tujuh ataupun qiraat sepuluh. Penerangan ini dilakukan agar pelajar dapat mengingat kembali khilaf-khilaf yang terlibat dalam bacaan al-Quran ketika mempraktikkan di dalam kelas.

## **Kaedah Latih Tubi**

Latih tubi berbentuk *shafawi* menjadi kegemaran para pensyarah dalam menilai penguasaan bacaan para pelajar. Kaedah ini sebagai latihan kepada para pelajar untuk membaca ayat-ayat al-Quran secara berqiraat dengan menggunakan kaedah *jama'*. Kaedah ini dilakukan semasa sesi tutor *tatbiq al-Qiraat* berlansung. Melalui kaedah ini, para pelajar dapat memperdengarkan bacaan ayat-ayat al-Quran di hadapan para pensyarah mengikut sukatan dan silibus yang telah ditetapkan. Misalnya, setiap pelajar diminta untuk membaca ayat al-Quran dan pensyarah akan membimbing jika terdapat kesalahan pada ayat yang dibaca. Melalui kaedah ini, pensyarah dapat membuat penilaian yang berterusan terhadap pelajar.

## **Penggunaan Bahan Bantu Belajar**

Penggunaan bahan bantu belajar dapat membantu dalam proses PdP qiraat Amali. Penggunaan buku teks dan buku rujukan menjadi sumber utama dalam merealisasikan bacaan al-Quran secara prakrikal dengan baik. Kebanyakan pelajar akan menggunakan al-quran qiraat sebagai buku rujukan (Mohd Zaini Shafiai, 2022). Selain itu, pensyarah akan merujuk kepada buku-buku yang berkaitan dengan ilmu qiraat sebelum memulakan pengajaran qiraat amali. Penggunaan Bahan Bantu Belajar lain berbentuk moden dan teknologi seperti CD-Rom, telefon pintar, computer, al-Quran pen reader, aplikasi pembelajaran secara digital dan perisian berbentuk courseware juga digunakan. Kebergantungan pelajar terhadap sumber daripada internet amat tinggi berbanding bahan bantu belajar yang lain (Azman Alias Et Al. 2022). Selain itu, menurut Mohd Zaini Shafiai, (2022) majoriti pelajar akan mendengar bacaan al-Quran yang betul daripada perisian internet seperti youtube sebelum membaca bacaan al-quran qiraat.

Ringkasnya, kaedah-kaedah yang digunakan adalah sebagai usaha untuk membantu para pelajar dalam menguasai bacaan al-Quran mengikut manhaj dan imam-imam Qiraat yang ada. Walaupun pelbagai kaedah digabungkan pada masa kini namun kesenua kaedah tersebut masih mengekalkan elemen-elemen utama seperti pemeliharaan al-Quran, ketersambungan sanad dan penyampaian ilmu qiraat melalui kaedah yang telah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW dan para sahabat.

#### 4. Rumusan

Berdasarkan sorotan kajian dan perbincangan yang telah diutarakan, penulis mendapati bahawa:

- i. Pada era kini, metodologi PdP Ilmu Qiraat yang diaplikasikan bertepatan dengan kaedah yang sama diamalkan pada zaman Rasulullah SAW kaedah iaitu tasmi', kaedah 'arad (talaqqi serta mushafahah) dan hafazan.
- ii. Metodologi PdP ilmu Qiraat yang digunakan oleh tenaga pengajar sama ada di peringkat pengajian Menengah, Diploma dan Ijazah dilihat hampir sama dan meliputi kesemua aspek yang diperlukan dalam proses PdP.
- iii. Rasulullah SAW mengamalkan tiga kaedah utama iaitu kaedah *Tasmi'*, kaedah '*Arad* (pembentangan) dan kaedah *Khitabah* (mencatat setiap ayat-ayat al-Quran yang diturunkan).
- iv. Dengan mengekalkan kaedah pada zaman Rasulullah SAW, terdapat beberapa kaedah ideal yang diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat pada era kini. Antaranya ialah kaedah *talaqqi* dan *mushafahah*, di mana guru membaca dan pelajar mendengar serta mengulangi bacaan tersebut. Kaedah hafazan atau tasmik pula membantu pelajar menghafal wajah-wajah dan matan-matan qiraat. Untuk pemahaman yang lebih mendalam, kaedah bersyarah dan penerangan serta kaedah pembentangan atau peta minda digunakan. Pembelajaran aktif digalakkan melalui kaedah berbincang atau aktiviti perbincangan berkumpul dan kaedah soal jawab. Untuk meningkatkan penguasaan, kaedah latih tubi sering diaplikasikan. Kaedah simulasi atau lakon semula yang melibatkan cara bacaan Qiraat membantu pelajar memahami dan mempraktikkan variasi bacaan. Akhir sekali, penggunaan bahan bantuan mengajar mempelbagaikan pengalaman pembelajaran dan membantu pemahaman pelajar. Kesemua kaedah ini bertujuan untuk memastikan pembelajaran al-Quran dan Qiraat yang berkesan dan menyeluruh.
- v. Kaedah PdP yang digunakan adalah bersifat umum dan tidak tertumpu kepada kuliah yang khusus seperti qiraat ilmi dan qiraat amali.
- vi. Kaedah yang sering diaplikasikan oleh tenaga pengajar PdP *tatbiq al-Qiraat* adalah kaedah *talaqqi* dan *mushafahah*, kaedah hafazan/tasmik, kaedah penerangan, kaedah simulasi/lakon semula yang melibatkan cara bacaan Qiraat juga digunakan dan akhir sekali kaedah penggunaan bahan bantuan mengajar turut diintegrasikan dalam proses pembelajaran

#### 5. Kesimpulan

Penguasaan pelajar terhadap sesuatu ilmu bergantung kepada teori-teori pembelajaran dan kaedah PdP yang digunakan. Gabungan semua kaedah akan melahirkan pelajar yang mahir dalam ilmu yang dipelajari. Pendekatan PdP yang sistematik amat penting kerana ia mampu menarik minat pelajar dan memudahkan pemahaman mereka terhadap kursus yang diajar. Minat dan kefahaman ini dapat dipupuk oleh pendidik yang mahir menggunakan pelbagai kaedah, membuat persiapan yang teliti dan memiliki akhlak yang terpuji sepanjang proses pengajaran. Sehubungan dengan itu,

diharapkan kajian ini dapat menambah kefahaman dan pengetahuan sedia ada dalam kalangan tenaga pengajar ilmu qiraat serta dapat memberi manfaat kepada pembaca yang lain.

## 6. Rujukan

- Abdul Mun'im Bin Hilmi. (2021). *Keperluan Aplikasi Digital Pengajian Qiraat Menerusi Pendekatan Cybergogi Dalam Revolusi Industri 4.0*. Proceedings of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT 2021).
- Ahmad Junaidi Mohamad Said. 2018. Faktor Penguasaan Qiraat Al-Sab'ie Dalam Kalangan Pelajar Kelas Khas Membaca dan Menghafal Al-Quran (KKQ) Di Negeri Perak. (Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Muflih al-Qudah, Ahmad Khalid Syukri Khalid Mansur. (2001). *Muqaddimat fi 'Ilm al-Qiraat*. 'Amman: Dar al-'Ammar.
- Aini Haslina Abdul Hamid, Mohamad Khairi Hj Othman & Mohamad Khadafi Hj Rofie. (2023). *Kemahiran Ilmu Qiraat Berdasarkan Pengajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Kelas Kemahiran Al-Quran*. Jurnal Qiraat. VOL 6, Bil 2, Halaman 35-50.
- Aishah binti Juri. (2009). Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Ilmu Qiraat di Darul al-Quran dan KUIS (Tesis Kesarjanaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi).
- Al-Dakhil, Dakhil ibn 'Abdullah. (2008). *Iqra' al-Qur'an al-Karim Manhajuhu wa Shurūṭuhū wa Asālibuhu wa Adābuhu*. Jeddah: Markaz al-Dirāsāt wa al-Ma'lūmāt al-Qur'āniyyah bi Ma'had al-Imām al-Shāṭibī.
- Gumaa Ahmed Himmad, Ahmad Baha' bin Mokhtar & Rifqi Hidayatil. (2023). *Sumbangan Pengajian Ilmu Qirāat Di Era Moden*. Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah Vol. 19 No. 2 (2023).
- Gumaa Ahmed Himmad, Ahmad Baha' bin Mokhtar & Rifqi Hidayatil. (2023). *Matan-Matan Utama Dalam Pengajian Ilmu Qirāat: Analisis Metode Penulisan Dan Simbol*. Jurnal Qiraat. VOL 6, Bil 2, Halaman 20.
- Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf. (1994). *Toyyibat al-Nashr fi al-Qiraat al-'Ashr*. Madinah al-Munawwarah: Maktabah Dar al-Huda.
- Ikmal Zaidi Hashim, Muhammad Fairuz A.Adi, Muhammad Syafee Salihin Hasan & Nik Mohd Nabil Ibrahim@Nik Hanafi. (2018). *Kurikulum Pengajian Qiraat Di Sekolah Menengah Dan Institut Pengajian Tinggi di Malaysia: Suatu Sorotan Awal*. 5th International Research Management & Innovation Conference (5th Irmic 2018).
- Kamal Azmi Abd.Rahman. Muhammad Yusuf Marlon Abdullah. Ahmad Faqih Ibrahim. Nurzatil Ismah Azizan. Zanariah Dimon & Sahlawati Abu Bakar. (2017). *Metodologi Penyelidikan Asas-Asas Ilmu Penyelidikan Islam*. Selangor: Minda Intelek Agency
- Kamus Dewan. (4th ed.) 2019. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Syaiful Naim Shaedi, Mohd Faizulamri Mohd Saad & Sabri Mohamad. (2022). *Tahap Kompetensi Guru Qiraat Di Negeri Sembilan Dalam Pengajaran*. Tinta Artikulasi Membina Ummah 8(1), 2022 47-61.
- Mohd Zaini Shafiai. 2022. Amalan Pembelajaran Ilmu Qiraat dan Penguasaan Bacaan Qiraat Pelajar Institusi Tahfiz Al-Quran. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah). Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Muhammad al-Mukhtar Wulad Abbah. (2008). *Tarikh al-Qiraat fi al-Mashriq wa al-Maghrib*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad Syafee Salihin Hasan, Muhammad Ammar Farhan Ramlan, Fatin Nazmin Mansor, Mohamad Fadhli Shah. (2021). *Kaedah Pengajaran Qiraat Amali Atas Talian Dalam*



- Kalangan Pensyarah Institut Pengajian Tinggi Malaysia. Proceeding of 8th International Research Management and Innovation Conference (8th IRMIC 2021).*
- Norazman bin Alias, Zainora binti Daud, Anuar bin Hasin, Zulkifly bin Mohd Zaki & Abdul Mun'im bin Hilmi. (2022). *E-Ifrad Courseware: Analisis Keperluan Pembangunan Aplikasi Dalam Pengajian Qira'at Di Usim*. E-Proceeding SAIS 2022, Seminar Antarabangsa Islam dan Sains.
- Sabri Mohamad, Ashraf Ismail, Latifah Abdul Majid, Mohd. Akil Muhamed Ali, Mohd Faizulamri Mohd Saad, Mohd. Nazri Ahmad, Muhammad Hafiz Jamil & Rokiah Ahmad. (2012). *Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Pengantar Qira'at dan Hafazan di UKM*. Prosiding Seminar Pemantauan Projek Penyelidikan Tindakan/Strategik (PTS) Fakulti Pengajian Islam 2012.
- Sha'ban Muhammad Ismail. (2017). *Al-Qiraat: Ahkamuha wa Masdaruha*. Kaherah: Dar al-Salam lit-tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah.
- Subhi Salih. (1990). *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Zainora Daud, Shahrudin Saad, Muhammad Fairuz A. Adi & Phayilah Yama. (2015). *Amalan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Qiraat 'Ilm Di Malaysia: Kajian Di Darul Quran Dan Ma'ahad Tahfiz Al-Quran Negeri (DQ dan MTQN)*. 2nd International Research Management & Innovation Conference (Irmic 2015).